

04 DEC 2003

JAM TANGAN DIPAMER DI RUMAH KELAHIRAN DR MAHATHIR HILANG

ALOR STAR, 4 Dis (Bernama) -- Sebuah jam tangan yang dipamerkan di rumah kelahiran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Jalan Kilang Ais di sini, dilaporkan hilang hari ini.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Star Supt Abdul Jalil Wahab berkata laporan kehilangan itu dibuat oleh seorang pegawai Jabatan Arkib Negara cawangan Kedah/Perlis di Balai Polis Alor Star 12 tengah hari tadi sebaik sahaja kehilangan itu disedari.

"Berdasarkan siasatan awal tiada tanda pecah masuk," katanya.

Abdul Jalil berkata beliau tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai jam tangan itu.

Rumah berkenaan yang merupakan antara daya tarikan pelancong di bandar ini, diuruskan oleh Jabatan Arkib Negara.

-- BERNAMA

MZM MAI